

# RM99.1 juta untuk Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga

11 SEP 2002

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga diberi peruntukan RM99.1 juta pada tahun 2003, iaitu meningkat sebanyak 68 peratus berbanding tahun ini.

Ketika membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata peruntukan ini adalah untuk memberi pengiktirafan berterusan kepada peranan wanita dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Perdana Menteri berkata, selaras dengan hasrat mengutamakan keluarga, kerajaan bersetuju menambahkan lagi cuti isteri bersalin bagi suami daripada tiga kepada tujuh hari bagi meringankan urusan keluarga.

“Kerajaan juga mencadangkan surat cara pindah milik hartanah di antara suami dan isteri serta ibu bapa dan anak atas dasar kasih sayang dikecualikan duti setem sebanyak 50 peratus,” katanya.

Ini kerana menurut Perdana Menteri, pada masa kini ramai yang merungut kerana terpaksa membayar duti stem pindah milik hartanah walaupun kepada mereka yang tersayang.

Tambah Dr. Mahathir lagi, kerajaan juga akan menyediakan program khusus bagi menjaga kebajikan ibu tunggal yang kini dianggarkan hampir 130 ribu orang atau 1.2 peratus daripada bilangan penduduk wanita.

Perdana Menteri berkata, untuk memastikan ibu-ibu tunggal mempunyai tempat kediaman yang selesa, kerajaan akan memberi keutamaan kepada mereka memiliki rumah kos rendah secara berkelompok bagi yang berpendapatan kurang RM600 sebulan, di samping penyediaan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak, pendidikan dan kesihatan untuk anak-anak mereka.

Kata Dr. Mahathir, bagi memupuk semangat mengutamakan keluarga, kera-

jaan akan memberi potongan cukai kepada perbelanjaan yang dikeluarkan oleh syarikat untuk mengadakan hari keluarga.

“Selain itu, manfaat percutian percuma yang dinikmati oleh pekerja dan keluarganya kini tidak dikenakan cukai,” katanya.

Dr. Mahathir menambah, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga juga sedang merangka cadangan untuk memperkenalkan Analisis Bajet Gender bagi mengkaji implikasi bajet negara ke atas wanita dan lelaki supaya sumber ekonomi diagihkan lebih saksama.